

Trend pelajar menagih meningkat

KOSMO 3/9/09 MLJ

PUTRAJAYA - Trend pelajar sekolah khususnya di peringkat menengah terjebak dalam penagihan najis dadah semakin membimbangkan apabila data Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) mendapati tahun ini sahaja bilangan penagih muda itu ialah 306 orang, meningkat berbanding beberapa tahun lalu.

Untuk perbandingan, jumlah kes pelajar yang menagih dadah di sekolah pada 2008 ialah 159 orang manakala pada 2007 hanya 117 orang.

Ketua Pengarah AADK, Datuk Abdul Bakir Zin berkata, para pelajar berkenaan dikesan positif dadah hasil ujian air kencing yang dijalankan Unit Pencegahan AADK.

"Tahun ini di Kelantan sahaja kami dapati lebih kurang 60 orang pelajar sekolah positif dadah. Kami berjaya mengesan mereka melalui Program Intervensi Pelajar (PIP) yang dilaksanakan dengan Kementerian Pelajaran," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, melalui kerjasama dengan Kementerian Pelajaran, AADK turut menjalankan program susulan bagi memastikan gejala penyalahgunaan dadah di kalangan murid dan

Info **Bilangan pelajar menengah menagih dadah**

2009 (hingga Ogos)
306 orang

2008
159

2007
117



pelajar dapat dibendung.

Menurut Abdul Bakir, kebanyakan pelajar tersebut menggunakan dadah tradisional khususnya ganja.

"Penggunaan dadah sintetik pula kurang dan ia hanya digunakan oleh golongan belia yang sudah menamatkan zaman belajar," jelasnya.

Beliau bagaimanapun menolak dakwaan bahawa trend penagihan dadah di sekolah berpunca daripada kurangnya pelaksanaan program pencegahan.

Dalam hal ini, AADK dalam laporan tahunan pada 2008 menyatakan bahawa agensi itu te-

Tahun ini di Kelantan sahaja kami dapati lebih kurang 60 orang pelajar sekolah positif

ABDUL BAKIR

lah mengatur kempen yang meluas daripada peringkat prasekolah sehingga sekolah menengah dengan membabitkan kira-kira 1.2 juta pelajar menerusi 5,064 program.

Tumpuan diberikan kepada pelajar sekolah rendah dengan 2,050 program membabitkan 700,327 pelajar.

Ini diikuti dengan 2,943 program antidadah kepada 500,453 pelajar menerusi Program Pendidikan Pencegahan Dadah Di Peringkat Sekolah Menengah.

Gerakan AADK itu turut dibantu sumbangan kewangan Petronas yang mengagihkan peruntukan sebanyak RM5 juta



KEBANYAKAN pelajar sekolah mula menagih dadah selepas terjebak dengan tabiat menghisap rokok. - Gambar hiasan.

kepada Kementerian Pelajaran bagi pelaksanaan program Sahabat Pendidikan Pencegahan Dadah-Petronas (PPDa-Petronas) sehingga 2013.

Di bawah program itu, Petronas menaja RM1 juta setiap tahun sehingga 2013 bagi membolehkan Unit Pencegahan Dadah Kementerian mengaktifkan empat program utama membabitkan 11,360 pelajar dan 960 guru sekolah menengah dan rendah di seluruh negara.